

Pengalaman mengerikan

BH 23/9/14 MS 22.

» *Badan terlalu lemah, tiada selera makan*

Oleh Sarah Sulaiman
sarahsulaiman@bh.com.my

► Kuala Lumpur



“**P**engalaman dijangkiti denggi berdarah sehingga 42 botol air terpaksa dimasukkan ke dalam badan, amat mengerikan,” kata Ahmad Padli Ab Halim, 20 (**gambar**).

Katanya, beliau mula mengalami demam biasa selama tiga hari sebelum diserang demam panas yang berlarutan sehingga seminggu.

“Selepas beberapa hari masih tidak sembuh, saya yang ketika itu masih bersekolah di Sekolah Menengah Teknik Kajang, Selangor pada tahun

2010, segera membuat pemeriksaan darah di Hospital Kajang.

“Hasil ujian mengesahkan saya dijangkiti denggi dan

mendapat pengawasan doktor selama dua minggu di Hospital Sungai Buloh, Selangor, apabila timbul bintik merah seluruh tubuh.

Suhu badan tak menentu

“Suhu badan pula tidak menentu, saya berasa panas di luar dan sejuk sendi di dalam, kepala sakit serta banyak tidur kerana badan terlalu lemah dan tidak berselera,” katanya.

Ahmad Padli berkata, selepas dibenarkan pulang ke rumah, beliau turut minum air barli yang dipercayai mampu menyembuhkan denggi dan menurunkan suhu badan.



INFO

MAKLUMAT DENGGI HARIAN

(22 September 2014)



Negeri	Jumlah kes harian	Jumlah kes terkumpul 2014
Johor	15	4,072
Kedah	1	725
Kelantan	54	12,164
Melaka	13	1,896
Negeri Sembilan	1	2,959
Pahang	5	1,136
Perak	8	3,857
Perlis	0	176
Pulau Pinang	4	1,451
Sabah	1	911
Sarawak	3	1,211
Selangor	124	34,902
Terengganu	5	913
WP Kuala Lumpur	18	5,002
WP Labuan	0	11
WP Putrajaya	0	248
Jumlah kes	252	71,634